

SMK Mutiara muncul johan Pertandingan Photoshoot Karnival Kadet JPJ Labuan



SMK Mutiara muncul johan dalam pertandingan photoshoot sempena Karnival Kadet JPJ peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang telah diadakan pada 24 Ogos 2019 (sabtu) di Muzium Chimney W.P Labuan.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) W.P Labuan memerlukan setiap sekolah wajib menghantar 2 keping gambar samada secara selfie, wefie, foto berkumpulan (peserta ada di dalam foto) untuk menyertai pertandingan ini. Gambar photoshoot tersebut telah dimuatnaik dalam laman JPJ W.P Labuan. Pemenang dikira berdasarkan "LIKE" terbanyak. Tempoh pertandingan berlangsung hampir dalam tempoh satu bulan.

Keputusan pertandingan telah diumumkan pada 27 September 2019 dan SMK Mutiara telah dinobatkan sebagai juara LIKE

terbanyak berjaya mengumpul sebanyak 717. Johan telah menerima hadiah berupa hamper, sijil dan frame gambar. Hadiah tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan W.P Labuan, Tuan Mohammad Afdhal Bin Mohd Ruslan.

Majlis penyampaian hadiah telah diadakan sempena majlis Perhimpunan Setia bulanan mereka bertempat di ibu pejabat JPJ W.P Labuan.

Menurut Puan Rohani Tali, guru penasihat pasukan kadet JPJ SMK Mutiara, perancangan dan persiapan photoshoot ini adalah hasil gabungan cetusan idea bersama 3 orang guru penasihat Kadet JPJ yang lain iaitu Cikgu Junaidah Binti Baharuddin dan Cikgu Nurazwati Binti Abdul Aziz, Pembantu Juruteknik sekolah iaitu En Mohd Fauzi Bin Atoh dan 8 orang Kadet JPJ SMK Mutiara yang terdiri dari tingkatan 1 hingga tingkatan 4.

Ketika mengulas kejayaan ini, pengetua SMK Mutiara mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam pertandingan ini. Menjadi johan adalah terbaik tetapi yang lebih utama ialah murid-murid diberi ruang dan peluang dalam menyertai apa-apa pertandingan bagi menyerlahkan potensi sebenar mereka.

Ahli kadet yang terlibat dalam photoshoot tersebut diketuai oleh kadet Ahmad Dylan Elva Chrizandy (4 IBK), Muhammad Mifzal Bin Mohd Rafi (3 ALK), Abzan Shah Bin Abel (2 PTN), Mohamad Aswatu Zikrullah Bin Mohd Ayub, Dayang Noor Fatimah Binti Awang Jahri, Ratna Binti Ramli, Siti Febriyani Binti Yasin dan Hezrick Shah Putra Bin Ngadimin (1 ALG).

Berita Oleh : SMK Mutiara

#SAYANGIMALAYSIKU
#MALAYSIABERSIH
#MALAYSIAKEBANGGAANKU
#JPJTERBAIK



SMK MUTIARA WP LABUAN